

27 JUL 2000

Harvard-Penajaan

HBSA MALAYSIA ANUGERAH PENAJAAN RM170,000 KEPADA 10 PEGAWAI KANAN

KUALA LUMPUR, 27 Julai (Bernama) -- Kelab Alumni Harvard Business School Malaysia (HBSACM) hari ini menganugerahkan penajaan RM170,000 kepada 10 pegawai kanan kerajaan bagi menghadiri program Pembangunan Pengurusan Kanan Harvard di Awana, Genting Highlands mulai 30 Julai.

Presiden HBSACM Mohammad Nizar Idris berkata setiap pegawai itu akan menerima penajaan RM17,000 bagi menghadiri program dua minggu itu.

"Keputusan HBSACM untuk menaja mereka adalah sebagai mengiktiraf Malaysia ditadbir oleh jentera yang efisien," katanya kepada pemberita selepas majlis penyampaian penajaan itu kepada Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Awam Tan Sri Samsudin Osman bagi pihak 10 pegawai kanan itu, di sini, hari ini.

Yuran kursus sebanyak RM17,000 itu merangkumi bayaran yuran tuisyen, bahan pengajian dan penginapan bagi sepanjang program itu serta yuran kemasukan dan langganan sebagai anggota kelab itu selain jamuan malam penyampaian sijil.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ialah penaung alumni itu.

Antara penerima penajaan itu ialah Panglima Divisyen Keempat Tentera Darat Mej. Jen Datuk Abdul Ghafir Abdul Hamid, Ketua Jabatan Nefrology Hospital Kuala Lumpur Datuk Dr. Zaki Morad Mohd Zaher dan Pengurus Besar Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang Datuk Siti Balkish Shariff.

Samsudin berkata penajaan program itu dapat membantu pentadbiran negara dalam usaha mewujudkan persekitaran perniagaan yang lebih baik bagi sektor perniagaan.

Nizar pula berkata program itu diadakan untuk memberi pemahaman mendalam mengenai elemen-elemen penting pengurusan seperti Pemasara Strategik, Pengurusan Kewangan Korporat, Sumber Manusia dan Teknologi Maklumat.

Empat profesor Harvard Business School dari Boston akan mengendalikan program itu secara sepenuh masa dengan menggunakan kaedah kajian kes sekolah perniagaan yang terkenal di dunia itu.

Profesor Pentadbiran Perniagaan Harvard F. Warren McFarlan akan mengetuai program itu dengan dibantu oleh Prof Samuel L.Hayes, Prof V. Kasturi Rangan dan Prof. David Upton.

HBSACM ditubuhkan pada 1977 dan pada masa ini keanggotaannya ialah 152 anggota biasa dan 524 anggota bersekutu.

-- BERNAMA

MHI ZS NAK